

11/01/1997

Meninggalkan 1996 tahun paling menggemparkan

KITA melangkah ke tahun baru, tahun 1997 secara yang paling menggemparkan. Nama Malaysia menjadi buah mulut seluruh dunia. Duta kita di Lima, Peru iaitu Ahmad Mokhtar Selat menjadi tebusan dan dibebaskan oleh satu kumpulan pemberontak bergelar Gerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) bersama ratusan diplomat asing, usahawan, pegawai tinggi dan orang kenamaan lain di Kedutaan Jepun ketika mereka menjadi tamu di kedutaan itu sempena merayakan Hari Keputeraan Seri Maharaja Jepun.

Sebelum peristiwa itu, nama Malaysia terlonjak dalam masyarakat antarabangsa apabila duta kita di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail dipilih menjadi presiden pertubuhan dunia itu. Pelantikan itu menjadi kebanggaan kita kerana inilah pertama kali seorang diplomat kita dipilih memimpin pertubuhan antarabangsa itu.

Dan tidak beberapa hari menjelang tahun baru, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima anugerah gemilang Jawaharlal Nehru daripada kerajaan India sebagai menandakan penghargaan India terhadap sumbangan Perdana Menteri kita kepada keamanan, persefahaman dan persaudaraan masyarakat antarabangsa khususnya sebagai peranannya menjadi juara negara membangun dan khidmat baktinya kepada negara dan bangsanya.

Yang demikian kegembiraan kita mengalu-alukan tahun baru tentunya bercampur dengan rasa sedih dan pilu berikutan peristiwa di Lima itu. Sebelum itu kita berbangga dengan prestasi perwakilan negara dalam persidangan WHO di Singapura di mana Datuk Seri Rafidah Aziz bertanggungjawab penting tidak sahaja sebagai juara kepentingan negara tetapi juga sebagai jurubicara perwakilan negara-negara membangun.

Sepanjang tahun 1996, boleh dikatakan negara kita mencatat prestasi yang membanggakan dalam arena antarabangsa terutama sekali peranan Perdana Menteri yang semakin penting, sebagai negarawan unggul di tengah-tengah diplomasi antarabangsa.

Bagaimana pula dengan prestasi kita dalam negara sendiri? Ekonomi negara terus berkembang, kestabilan politik menjamin terus dinamika pembangunan ekonomi kita. Tetapi masalah sosial nampaknya semakin kuat menuntut dan mendesak perhatian yang lebih besar daripada kita. Gejala Aids semakin membimbangkan, demikian juga gejala dadah selain masalah penderaan kanak-kanak, bohsia, pembuangan bayi, keganasan di jalan raya dan gejala keruntuhan nilai moral dan etika yang umumnya membayangkan bahawa kita masih jauh dari matlamat kita untuk mencapai cita-cita mewujudkan sebuah masyarakat madani dan masyarakat penyayang yang bertunjang pada nilai-nilai tradisi kita.

Dengan kata lain, kemajuan teknologi tidak diimbangi oleh kelahiran satu peradaban baru seperti yang dicita-citakan oleh pemimpin itu.

Dalam ucapannya kepada perhimpunan agung Umno Oktober lalu, Perdana Menteri merangkap Presiden Umno, selain memperkatakan secara terus terang gejala politik wang dalam partinya, menyeru Umno agar berperanan sebagai pemangkin apa yang disebut sebagai era kebangkitan peradaban Melayu sesuai dengan era kemajuan cemerlang yang dicapai oleh bangsa dalam bidang ekonomi.

Beliau menggesa bangsa Melayu menggerakkan reformsi bangsa sebagai satu cabaran yang penting ditangani oleh bangsa Melayu dalam era pensejagatan. Dengan kata lain beliau menggesa bangsa Melayu dalam era teknologi maklumat mencari dan membina landasan nilai-nilai baru yang kelak mengupayakan bangsa Melayu menangani cabaran pensejagatan, satu landasan

asas yang kuat untuk melahirkan peradaban baru.

Perhimpunan Agung Umno Oktober lalu adalah penuh erti tidak sahaja kerana ia secara terbuka membincangkan gejala politik yang tetapi kerana wawasan yang dipertanggungjawabkan ke atas Umno oleh Dr Mahathir untuk mempelopori gerakan reformasi budaya bangsa.

Gerakan reformasi itu memperkuatkan gerakan mencapai Wawasan 2020 yang diuruskan ke arah kewujudan satu bangsa Malaysia yang padu, progresif dan menghayati nilai-nilai tradisi. Pada tahun 2020, negara akan menjadi sebuah negara industri dan negara maju. Pada masa itu kita mengharapkan kelahiran suatu peradaban baru yang melambangkan kedudukan kita yang budaya hidupnya dapat dibanggakan.

(END)